

Inter IKEA Group

Prosedur Menyuarakan Kebimbangan



Menyuarakan Kebimbangan di Inter IKEA Group

Pendekatan Inter IKEA Group terhadap perniagaan dan kejayaan orang ramai adalah berdasarkan kejujuran, rasa hormat, adil dan berintegriti. Kami telah mendokumenkan cara kami menjalankan perniagaan dalam tatakelakuan dan dasar sokongan kami. Dokumen-dokumen ini, bersama dengan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, memberikan panduan kepada rakan sekerja kami tentang mendukung prinsip dan nilai-nilai etika. Ia membantu kami dalam kehidupan kerja harian kami dalam membuat keputusan yang betul: tidak kira tempat kami bekerja dengan siapa kami bekerja dan dalam apa jua keadaan. Meskipun dengan semua ini, anda mungkin mengalami atau memerhatikan tingkah laku yang membimbangkan anda, atau yang melanggar tatakelakuan, undang-undang atau peraturan kami yang diguna pakai. Jika begitu, kami ingin meminta anda menyuarakan kebimbangan anda kepada kami.

Dua belas soalan tentang prosedur Menyuarakan Kebimbangan

1. Mengapakah perlu menyuarakan kebimbangan anda kepada Inter IKEA Group? • 7
2. Siapakah yang boleh menyuarakan kebimbangan? • 8
3. Apakah pilihan yang ada untuk menyuarakan kebimbangan? • 9
4. Apakah kebimbangan yang perlu disuarakan? • 10
5. Adakah dengan melaporkan boleh membahayakan saya atau orang lain? • 11
6. Bagaimanakah saya boleh menyuarakan kebimbangan melalui platform menyuarakan kebimbangan? • 12
7. Bolehkah saya melaporkan secara tanpa nama? • 13
8. Apakah maklumat yang saya perlu berikan? • 14
9. Apakah yang berlaku selepas saya menyuarakan kebimbangan? • 15
10. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang perkembangan laporan saya? • 16
11. Bagaimanakah kami menjamin kerahsiaan laporan anda? • 17
12. Bagaimanakah Inter IKEA Group mematuhi undang-undang perlindungan data? • 18-19



1. Mengapakah perlu menyuarakan kebimbangan anda kepada Inter IKEA Group?

Menyuarakan kebimbangan ialah kunci untuk mengekalkan persekitaran kerja kami, reputasi dan lesen untuk beroperasi yang selamat dan dilindungi. Kami harap anda melihatnya sebagai tanggungjawab anda untuk menyuarakan kebimbangan anda dan berasa selamat untuk melakukannya. Terus merahsiakannya boleh membuatkan situasi menjadi lebih teruk dan mewujudkan persekitaran yang kurang kepercayaan. Apabila anda menyuarakan kebimbangan anda, kami boleh membantu dan mengambil tindakan. Melalui cara ini, kita boleh menambah baik bersama-sama.






2. Siapakah yang boleh menyuarakan kebimbangan?

Sesiapa yang mengalami atau memerhatikan salah laku dalam konteks berkaitan kerja, melibatkan pengurus atau rakan sekerja Inter IKEA Group. Menyuarakan Kebimbangan dalam Inter IKEA Group disediakan untuk contohnya, rakan sekerja, pembekal, rakan kongsi, bekas rakan sekerja, rakan sekerja pada masa hadapan, perunding, dll.





3. Apakah pilihan yang ada untuk menyuarakan kebimbangan?

Prosedur Menyuarakan Kebimbangan

Kami menawarkan pilihan berbeza-beza untuk menyuarakan kebimbangan dan kepercayaan yang anda pilih untuk melaporkan melalui cara yang anda rasa paling selesa. Kami menggalakkan dialog terbuka dan jujur di tempat kerja dan oleh itu, jika boleh dan sesuai, kami harap anda boleh menangani kebimbangan anda secara terus dengan orang yang terlibat, atau dengan bantuan pengurus, rakan sekerja daripada Warga & Budaya atau yang serupa. Kami juga menyedari bahawa mungkin terdapat kebimbangan tentang cara pelaporan yang lebih neutral adalah lebih baik atau berasa lebih sesuai. Itu sebabnya mengapa kami mempunyai platform Menyuarakan Kebimbangan kami, dan di syarikat kami yang lebih besar di EU dan Switzerland, kami juga mempunyai wakil etika tempatan untuk dihubungi. Dalam platform Menyuarakan Kebimbangan, anda boleh melaporkan dalam bahasa tempatan melalui bentuk web atau talian telefon, secara tanpa nama jika diingini. Tidak kira apa jua pilihan anda, kami akan mendengar dan membuat susulan sewajarnya. Sekiranya anda merasakan saluran yang ditawarkan oleh Inter IKEA Group tidak dapat menangani kebimbangan anda secara berkesan, anda mempunyai pilihan untuk melaporkan secara luaran kepada pihak berkuasa yang kompeten di negara anda. Negara-negara dalam Kawasan Ekonomi Eropah perlu menyediakan pihak berkuasa kompeten itu dengan laman sesawang yang mempunyai maklumat relevan untuk melaporkan.



4. Apakah kebimbangan yang perlu disuarakan?

Kami terbuka kepada sebarang kebimbangan yang anda mungkin ada tetapi mensasarkan secara khusus kepada pelanggaran tatakelakuan, undang-undang dan peraturan kami. Ia mustahil untuk memberikan senarai lengkap tetapi, secara umumnya, anda digalakkan untuk melaporkan:

- situasi yang melanggar hak asasi manusia, termasuk gangguan, buruh kanak-kanak dll.
- situasi yang membahayakan kesihatan atau keselamatan individu ataupun menyebabkan kerosakan terhadap alam sekitar.
- kebimbangan kewangan dan perakaunan serta salah faham aset.
- rasuah atau kesalahan jenayah lain, termasuk sogokan, percanggahan kepentingan, ganjaran haram dll.
- pelanggaran persaingan dan peraturan pertolongan negeri.
- situasi yang mengakibatkan risiko terhadap privasi individu.
- tindakan yang membahayakan hak pengguna.
- tindakan yang bertujuan untuk menyembunyikan sebarang perkara di atas.



5. Adakah dengan melaporkan boleh membahayakan saya atau orang lain?

Kami akan melindungi orang yang menyuarkan kebimbangan secara jujur daripada sebarang kelemahan. Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas (cth., penggantungan, pemecatan, penafian kenaikan pangkat atau pendidikan, ulasan negatif atau perubahan lokasi kerja), walaupun selepas siasatan, kami menentukan tiada salah laku.


Untuk mendapatkan perlindungan ini sendiri, anda hanya perlu menyuarkan kebimbangan jika anda mempunyai alasan yang munasabah dengan mempercayai bahawa maklumat tentang pelanggaran yang dilaporkan adalah benar. Menyuarkan kebimbangan dengan mengetahui bahawa ia palsu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Orang yang menyuarkan kebimbangan, orang yang tertakluk pada kebimbangan, dan orang lain yang terlibat dalam pengendalian kes diperlakukan mengikut perspektif, secara adil dan sama rata. Jika telah ditentukan semakan selanjutnya seperti siasatan diperlukan, individu yang terlibat akan dimaklumkan sewajarnya, dengan pada masa yang sama melindungi identiti pelapor dan orang lain. Kami akan membenarkan mereka yang menjadi subjek sebarang kebimbangan untuk didengari dan memberikan fakta mereka tentang situasi. Tindakan akibat hanya akan diambil berdasarkan fakta.



6. Bagaimanakah saya boleh menyuarakan kebimbangan melalui platform menyuarakan kebimbangan?

Platform Menyuarakan Kebimbangan kami boleh dihubungi melalui telefon atau web, disediakan dalam bahasa tempatan pada setiap masa melalui: <https://interikea.gan-compliance.com/p/ethics&integrity>. Jika anda melaporkan melalui platform Menyuarakan Kebimbangan, anda akan menerima ID pengguna dan kata laluan untuk menyambung kembali ke platform lagi. Sebarang soalan, kemas kini atau komunikasi akan dikongsi dengan anda melalui platform dan anda boleh meninggalkan jawapan atau menanyakan soalan selanjutnya. Anda boleh melayari semula platform pada sebarang peringkat untuk makluman dan penukaran selanjutnya.



7. Bolehkah saya melaporkan secara tanpa nama?

Ya, anda boleh menyuarakan kebimbangan anda secara tanpa nama melainkan undang-undang yang dikenakan di negara anda tidak membenarkan pelaporan tanpa nama. Tidak kira sama ada anda melaporkan secara tanpa nama ataupun tidak, butiran yang mencukupi perlu disediakan untuk meneruskan dan menjalankan siasatan sewajarnya. Sekiranya anda meninggalkan nama anda, kami akan berusaha untuk memastikan identiti anda kekal dilindungi.



8. Apakah maklumat yang saya perlu berikan?

Kami menggalakkan anda untuk memberikan sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan. Maklumat terperinci membolehkan kami menilai dan menyiasat kebimbangan dengan teliti dan bertindak jika perlu, termasuk:

- penerangan terperinci tentang situasi yang telah menyebabkan kebimbangan anda, serta sejarah pelanggaran atau salah laku yang dinyatakan dan contoh peristiwa.
- nama orang yang berkemungkinan terlibat, tarikh, tempat, dan maklumat lain yang berkaitan.
- sebarang fakta dan dokumen sokongan yang berkaitan dengan kebimbangan anda.

Walaupun anda tidak mempunyai semua fakta, kami menggalakkan anda untuk menyuarkan kebimbangan anda secepat mungkin dan berkongsi fakta yang anda ada.



9. Apakah yang berlaku selepas saya menyuarakan kebimbangan?

Kebimbangan yang dilaporkan kepada pusat dikendalikan pada tahap kumpulan dan kebimbangan yang dilaporkan kepada setempat dikendalikan pada tahap setempat. Kebimbangan yang dilaporkan pada tahap setempat mungkin mendedahkan masalah struktur ataupun masalah yang melibatkan dua atau lebih entiti kumpulan. Untuk menangani kebimbangan seperti itu penglibatan wakil etika di peringkat kumpulan mungkin diperlukan dan kami mungkin perlu menghantar laporan anda kepada wakil-wakil ini untuk pengendalian selanjutnya. Sekiranya perkara ini berlaku, kami akan memaklumkan anda terlebih dahulu dan memberi anda peluang untuk membantah. Jika anda membantah, kami tidak akan menghantar laporan anda kepada kumpulan. Ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk mengendalikan kebimbangan anda dengan sewajarnya.

Rakan sekerja yang mengendalikan kebimbangan dalam Inter IKEA Group diberikan latihan meluas tentang cara untuk mengendalikan kebimbangan; bagaimana untuk melakukan pertanyaan dan siasatan yang adil dan tidak berat sebelah, serta tanggungjawab mereka berkenaan privasi data dan kerahsiaan. Individu ini perlu menunjukkan dan melindungi bahawa mereka bebas dan neutral daripada kebimbangan yang dilaporkan. Penasihat luar seperti peguam, pakar forensik, juruaudit atau akauntan boleh terlibat untuk membantu siasatan, di bawah kerahsiaan yang tegas dan perjanjian yang sesuai.



10. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang perkembangan laporan saya?

Anda akan menerima pengesahan dalam masa 7 hari kalendar selepas penerimaan kebimbangan anda. Inter IKEA Group akan memaklumkan anda selanjutnya tentang keputusan berkenaan perlakuan terhadap laporan tersebut dan tentang penutupan kes tersebut. Anda akan menerima maklum balas tentang hasil dan/atau status kes dalam masa 3 bulan selepas penerimaan kebimbangan anda, tetapi biasanya kami berkomunikasi sepanjang proses tersebut dengan anda untuk maklumat dan tujuan pengemaskinian.



11. Bagaimanakah kami menjamin kerahsiaan laporan anda?

Platform Menyuarakan Kebimbangan dihoskan oleh syarikat luaran dan hanya bilangan terhad wakil dalam Inter IKEA Group mempunyai akses terhad kepada bahagian yang relevan kepada mereka. Platform yang dilindungi dan dikhaskan ini terdiri daripada bentuk web dan talian telefon serta sistem pengurusan kes. Keselamatan teknikal dan organisasi melindungi data peribadi daripada dimanipulasikan (secara tidak sengaja atau sengaja), hilang, dimusnahkan atau diakses oleh orang yang tidak dibenarkan.

Semua kebimbangan yang dilaporkan dan maklumat berkaitannya diperlakukan dan dilabelkan sebagai maklumat sulit secara tegas seperti arahan Inter IKEA Group tentang pengendalian maklumat, termasuk identiti pelapor dan sesiapa sahaja yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Kami berkongsi maklumat hanya dengan sekumpulan kecil orang hanya semata-mata bertujuan 'perlu diketahui'. Kami hanya mendedahkan maklumat kepada orang yang mengendalikan kebimbangan anda dan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk memutuskan kemungkinan langkah untuk diambil. Kami memberikan maklumat kepada pihak ketiga jika dikehendaki oleh undang-undang. Setiap usaha akan dilakukan untuk tidak mendedahkan identiti orang yang menyuarakan kebimbangan atau dirujuk dalam kebimbangan.



12. Bagaimanakah Inter IKEA Group mematuhi undang-undang perlindungan data?

Dalam mengendalikan data anda, kami di Inter IKEA Group akan mematuhi semua undang-undang privasi yang diguna pakai, termasuk Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR) dan kami telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan data anda selamat dan dilindungi. Semua entiti dalam Inter IKEA Group mempunyai dasar yang sama berkenaan pemrosesan data peribadi anda. Jika anda melaporkan secara setempat, entiti yang anda laporkan bertanggungjawab untuk memproses data anda. Jika anda melaporkan secara berpusat Inter IKEA Services B.V. bertanggungjawab untuk pemrosesan data peribadi anda.

Kami mempunyai kepentingan yang sah untuk memproses data peribadi anda untuk menangani salah laku dan mematuhi undang-undang yang diguna pakai. Kami menilai berdasarkan kes demi kes sama ada, dan jika sedemikian, cara kami memproses data peribadi yang anda sediakan. Kami akan memperlakukan data anda sebagai betul-betul sulit dan ia hanya akan diakses atas dasar perlu diketahui yang ketat. Data hanya akan digunakan untuk menerima, menyiasat dan mengendalikan kebimbangan yang disuarakan dalam laporan anda. Kami tidak akan menyimpan lebih data daripada yang diperlukan untuk menyiasat kebimbangan anda dan kami akan menyimpan data tidak lebih daripada masa yang diperlukan.



12. Bagaimanakah Inter IKEA Group mematuhi undang-undang perlindungan data?

Anda berhak untuk mengetahui maklumat peribadi apa yang kami proses tentang anda dan mengapa. Jika anda percaya bahawa kami menyimpan maklumat yang salah tentang anda, anda boleh meminta kami membetulkannya. Jika anda percaya bahawa tiada lagi keperluan untuk kami menyimpan data anda, anda boleh meminta kami untuk memadam data tersebut. Anda juga boleh meminta kami menghadkan pemprosesan data anda dalam situasi tertentu, contohnya jika anda telah meminta kami membetulkan maklumat yang salah, anda boleh meminta kami untuk menghentikan pemprosesan sehingga maklumat itu diperbetulkan. Hak-hak ini dikenakan kepada orang yang melaporkan dan juga semua orang lain yang terlibat. Inter IKEA Group akan mengendalikan permintaan anda mengikut undang-undang dan memaklumkan anda tentang hasil permintaan anda. Jika akses kepada data diberikan kepada individu yang terlibat, kami akan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan identiti anda tidak didedahkan, dan maklumat peribadi anda dikeluarkan daripada dokumen sebelum ia dikongsi.

Jika anda ingin melaksanakan hak anda seperti yang dinyatakan di atas atau mempunyai sebarang soalan tentang bagaimana kami melindungi privasi anda, anda boleh menghubungi pasukan privasi data dalam Inter IKEA Group melalui: isd.dpdsar@inter.ikea.com. Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami memperlakukan maklumat peribadi anda, anda berhak untuk membuat rungutan tentang kami dengan pihak berkuasa penyeliaan negara.



Ada lebih banyak soalan?

Adakah anda mempunyai lebih banyak soalan tentang tatakelakuan Inter IKEA Group atau prosedur Menyuarakan Kebimbangan? Sila imbas kod QR atau hubungi kami melalui: ethics@inter.ikea.com.



Inter IKEA Group

Prosedur Menyuarakan Kebimbangan

Edisi: Mac 2023



Inter IKEA Systems B.V.

